

29 JULY 2000
AMTEK-HARRODS
AMTEK RANCANG GEDUNG HARRODS KEDUA DI KLCC

SEPANG, 29 Julai (Bernama) -- Pengeluar pakaian Amtek Holdings Bhd merancang untuk membuka gedung Harrods kedu di Malaysia di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) menjelang separuh kedua tahun depan.

Syarikat itu akan melabur kira-kira RM1 juta hingga RM1.5 juta ke atas cawangan kedua itu, pengarah eksekutifnya Syed Azmin Syed Noh memberitahu pemberita selepas pelanaran gedung pertama, Harrods World Signature Shop, oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini hari ini.

Amtek International Sdn Bhd, yang merupaman anak syarikat milik sepenuhnya Amtek Holdings, adalah pemegang lesen khas rangkaian gedung seluruh dunia yang termasyhur, Harrods, yang berpangkalan di London, untuk Malaysia.

Harrods World Signature Shop merangkumi konsep terbaru yang dibawa oleh Harrods dari Knightsbrige ke rangkaian gedungnya yang menggabungkan reka bentuk tiga dalam satu -- cenderamata, dewan makan dan buffet.

Syed Azmin berkata Amtek mengambil masa dua tahun untuk merancang gedung Harrods di KLIA.

Amtek mengambil alih inisiatif untuk membawa Harrods ke Malaysia setelah perundingan antara pemilih Harrods' Mohamed Al-Fayed dan Malaysia Airports Bhd gagal.

"Apabial perundingan itu gagal, Amtek muncul, menilai keadaan dan mengurangkan saiz gedung itu daripada perancangan awal 5,000 kaki persegi kepada 1,200 kaki persegi, yang lebih terkawal," katanya.

Amtek melabur RM1.2 juta hingga RM1.3 juta di dalam Harrods World Signature Shop KLIA .

Syed Azmin berkata syarikat itu menjangka "rugi sedikit" dalam tahun pertama operasi Harrods' disini tetapi berharap memperoleh semula pelaburannya di antara dua hingga tiga tahun daripada sekarang apabila lalu-laluan di KLIA berkembang.

Jualan diunjurkan sebanyak kira-kira RM600,000 hingga RM1 juta setahun atau kira-kira RM80,000 hingga RM250,00 sebulan tetapi Amtek menjangka ini akan meningkat dan mencecah tahao RM1 juta dalam tahun kedua operasi.

Harrods di KLIA telah dipenuhi dengan stok barangan bernilai kira-kira 100,000 paun sterling (kira-kira RM570,000).

Sementara produk-produk itu diimport sepenuhnya, Syed Azmin berkata Amtek mempunyai kuasa terhadap penetapan harga untuk menjadikan barangan itu termampu kepada orang awam Malaysia.

Harrods World Signature Shop adalah di Pelabuhan Perhubungan terletak antara ruang legar domestik dan antarabangsa, selepas tempat pemeriksaan imigresen di bangunan utama KLIA. -- BERNAMA

RIZ MFJ OS